



Raja Nazrin Shah (kanan) bersama peserta di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri, semalam. [FOTO EFFENDY RASHID/BH]

Tingkat tadbir urus global

KUALA LUMPUR: Kerjasama rakan serantau dalam penubuhan Suruhanjaya Tadbir Urus Global abad ke-21 perlu dilaksanakan bagi meningkatkan lagi sistem tadbir urus global.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, bertitah sekarang adalah masa sesuai untuk menubuhkan suruhanjaya berkenaan dengan dikendalikan badan antarabangsa serta dianggotai pakar berkaitan.

Baginda yakin penubuhan suruhanjaya itu bagi menyediakan sistem tadbir urus mengikut keperluan abad ke-21 akan mendapat sokongan daripada

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

“Jika dilancarkan suruhanjaya berkenaan akan memikul tanggungjawab berat dan mesti melaksanakan tanggungjawab tanpa perlu memihak...suruhanjaya mesti melaksanakan struktur tadbir urus yang jujur dan objektif.

“Tidak syak lagi kita boleh mengharapkan cadangan berkenaan untuk lebih relevan pada masa depan,” katanya ketika menyampaikan titah ucapan bertajuk: ‘Cabaran Tadbir Urus Global dan Era Baru Diplomasi’ di sini, semalam.